

NOTIS JEMPUTAN TENDER UNTUK MENGEMUKAKAN CADANGAN PEMBANGUNAN TANAH MILIK FELDA DI ATAS LOT HS (D) 6059, PT 3964, MUKIM JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR

- a. **FELDA PROPERTIES SDN. BHD (FPSB)** telah dilantik oleh Felda untuk menjalankan proses mendapatkan cadangan pembangunan bagi tanah milik FELDA di atas Lot HS (D) 6059, PT 3964, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor. Pihak kami ingin menjemput semua syarikat yang berdaftar di Malaysia, berpengalaman di dalam pembangunan hartanah, mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan berkeupayaan untuk mengemukakan cadangan bagi membangunkan tanah milik FELDA di Bukit Cherakah, Puncak Alam Selangor Darul Ehsan.
- b. **Satu lawatan tapak akan diadakan pada 18 September 2017 dan semua bakal pembida dinasihatkan supaya hadir bagi membuat kajian dan penilaian yang sebenar. Bakal Pembida dikehendaki berkumpul di Pintu masuk UiTM Puncak Alam pada 18 September 2017 jam 10.30 pagi**
- c. **Dokumen tender boleh didapati di FELDA PROPERTIES SDN BHD, Tingkat 2, Balai Felda, Jalan Gurney Satu, 54000 Kuala Lumpur pada waktu pejabat:**

Isnin-Khamis - 8.30 pagi - 12.00 tengahari
- 2.00 petang - 3.00 petang
Jumaat - 8.30 pagi - 12.00 tengahari

Mulai 11 September 2017 hingga 10 Oktober 2017 untuk tempoh 4 minggu. Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung dengan Pn Siti Zarina Zakarani di siti.zz@feldaglobal.com atau 03 - 26988211

- d. Borang tender hendaklah di beli bersama-sama dengan bayaran dalam bentuk wang tunai, bank Draf atau kiriman wang yang dibayar kepada Felda Properties Sdn Bhd bernilai RM 106.00 setiap set termasuk GST 6%. (Tidak akan dikembalikan).
- e. Pembida juga dikehendaki membawa bersama-sama Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau dokumen sokongan rakan usahasama/sekutu yang menunjukkan bukti sekurang-kurangnya mempunyai modal berbayar sebanyak **Ringgit Malaysia: Empat Puluh Juta Sahaja (RM40, 000,000.00)** untuk melayakkan diri untuk menyertai pelawaan ini.



- f. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dihantar ke dalam peti tender seperti alamat di bawah:

**PETI TENDER [FGV 284 / 2017]
TINGKAT 20, MENARA FELDA,
PLATINUM PARK, NO.11 PERSIARAN KLCC,
50088 KUALA LUMPUR**

tidak lewat pada **10 Oktober 2017** sebelum jam 12.00 tengah hari. Pembida hendaklah membuat tender deposit dalam **Ringgit Malaysia: Dua Puluh Ribu Sahaja (RM20,000.00)** yang perlu dibayar kepada FELDA. Deposit ini boleh dikemukakan dalam bentuk Cek Bank atau Wang Pos di atas nama LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN.

- g. Komponen cadangan yang dikemukakan hendaklah termasuk pengisytiharan kepada ketepatan maklumat seperti yang disertakan di dalam dokumen ini dan perlu dikemukakan bersama-sama dengan perkara-perkara berikut:-
- i. Pelan susun atur tapak projek cadangan.
 - ii. Latar belakang dan konsep cadangan projek.
 - iii. Lukisan dan pelan reka bentuk - pelan lantai, pelan bumbung, ketinggian dan rentas seksyen.
 - iv. Kertas cadangan mengandungi komponen pembinaan dan komponen-komponen kos pembangunan dengan menunjukkan tempoh masa yang diambil untuk pembinaan dan pembangunan.

FELDA selaku PEMILIK TANAH adalah tidak terikat untuk menerima apa-apa cadangan bagi tawaran cadangan pembangunan dan berhak untuk tidak menyerahkan apa-apa sebab kerana menolakan mana-mana cadangan pembangunan. Kos penyediaan kertas cadangan adalah ditanggung oleh para pembida. Asas bagi pemberian projek cadangan kepada pembida yang berjaya akan berdasarkan nilai pembangunan kasar (GDV) serta pulangan dan tawaran pembahagian keuntungan kepada FELDA kelak. Tempoh maksimum dibenarkan pembangunan hendaklah **sepuluh (10) tahun**.

